



**NOTIS MAKLUMAN JAWATAN KOSONG
PERBADANAN KEMAJUAN PERUSAHAAN KAYU SARAWAK**

RUJ : STIDC.7.HR(PER).06.1
TARIKH : **28 Oktober 2025**

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia (anak kelahiran Negeri Sarawak) yang berkelayakan untuk mengisi jawatan kosong seperti berikut di Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (PUSAKA):

1. Pereka, Gred B1 (Tetap dan Berpencen) - 1 Kekosongan

Semua permohonan hendaklah dikemukakan secara atas talian (online) melalui sistem e-Recruitment di pautan berikut:

👉 <http://erecruitment.sarawak.gov.my>

Calon-calon **WAJIB** memuat naik **salinan dokumen-dokumen berikut** di bahagian “Muat Naik Dokumen” dalam sistem e-Recruitment:

1. Kad Pengenalan (depan & belakang)
2. Sijil UPSR, PMR dan SPM
3. Sijil Kemahiran (jika berkaitan)
4. Sijil Diploma & Transkrip Akademik / STPM / Matrikulasi (jika berkaitan)
5. Sijil Ijazah Sarjana Muda & Transkrip Akademik (jika berkaitan)
6. Lesen Memandu yang masih sah laku (*untuk jawatan Pemandu sahaja*)

Sila pastikan semua dokumen yang dimuat naik **jelas dan lengkap**.

Perhatian:

- **Hanya permohonan yang lengkap** dan memenuhi syarat – syarat pelantikan ke jawatan yang telah ditetapkan akan disenarai pendek.
- **Pemohon** yang dipilih untuk sesi temuduga akan dihubungi.
- Sekiranya pemohon tidak dihubungi dalam tempoh **tiga (3) bulan** dari tarikh iklan ini ditutup, permohonan dianggap **tidak berjaya**.
- Permohonan yang **lewat diterima tidak akan dipertimbangkan**.

Tarikh Tutup Permohonan: 10 November 2025

1. (a)	Jawatan	:	Pereka
	Kekosongan	:	Satu (1) jawatan
	Taraf Jawatan	:	Tetap dan Berpencen
	Kumpulan Perkhidmatan	:	Pelaksana
	Klasifikasi Perkhidmatan	:	Bakat Dan Seni
	Jadual Gaji	:	GAJI MINIMUM – GAJI MAKSIMUM RM1,500.00 - RM4,680.00

(b) Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti serta memiliki kelayakan seperti berikut:-

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED B1

- (i) Mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang seni reka dan/atau seni lukis serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred B1: RM1,500.00); atau
- (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan mendapat Kepujian dalam subjek Pendidikan Seni Visual pada peringkat peperiksaan tersebut.
(Gaji permulaan ialah pada Gred B1: RM1,500.00); atau
- (iii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred B1: RM1,500.00); atau
- (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred B1: RM1,561.00); atau
- (v) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred B1: RM1,622.00).

- (iv) Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(c) Skop Tugas:

Bertanggungjawab menyediakan bentuk dan layout grafik, multimedia, audio visual, bahan – bahan pameran, foto editing, video editing, animasi, percetakan dan pengurusan bahan serta peralatan yang berkaitan.